

Headline	FGV lupus perniagaan bukan teras		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 May 2015	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	51	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,410
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,231



FGV lupus perniagaan bukan teras

KUALA LUMPUR – Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) akan menyelesaikan penjualan perniagaan bukan terasnya pada suku ketiga 2015.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah berkata, penjualan yang turut melibatkan



Felda Travel Sdn. Bhd., Felda Properties Sdn. Bhd. dan Felda Prodata Systems Sdn. Bhd. itu akan di-

jalankan menerusi proses tender terbuka.

“FGV kemudiannya akan mengumpulkan pada perniagaan terasnya sebagai penggiat perladangan bersepadu dalam sektor sawit, gula dan getah,” katanya selepas memeterai dua memorandum kerjasama (MoC) di sini semalam.

MoC pertama dimeterai dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menubuhkan Pusat Pemuliharaan dan Interpretasi Rafflesia, manakala memorandum lain ialah dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk mewujudkan



MOHD. Emir (tiga dari kanan) melihat maskot beruang selepas menyempurnakan pemeteraian memorandum kerjasama dengan FRIM dan Perhilitan di Kuala Lumpur semalam.

Program Pemuliharaan Beruang Matahari.

Mengenai prospek masa depan, Mohd. Emir berkata, secara umumnya tahun 2015 dijangka menjadi tahun suram bagi sebarang syarikat perladangan dan FGV merancang mengekalkan pendapatan dengan menambah simpanan tanah ladang sawit lama.

“Ini kerana ladang sawit yang

lama dan baharu, kami tidak akan menerima kesan daripada perjanjian pajakan tanah (LLA),” jelasnya.

LLA dikatakan merumitkan perakaunan nilai adil syarikat yang kemudiannya memberi kesan kepada keuntungannya.

FGV masih berunding dengan Felda untuk mendapatkan mekanisme sewajarnya bagi LLA.
– Bernama